

**INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)**www.ijmoe.com**PENGGUNAAN CERITA RAKYAT ORANG ASLI DALAM
PENGAJARAN LITERASI UNTUK MURID PRASEKOLAH
ORANG ASLI: ULASAN SKOP***THE USE OF INDIGENOUS FOLKSTORIES IN TEACHING LITERACY TO
STUDENTS INDIGENOUS PRESCHOOL:
A SCOPE REVIEW*Muhamad Zainal Azri Zulkipli¹, Mohd Nazri Abdul Rahman^{2*}, Siti Nor Khalis Harun Narasid³¹ Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Malaysia.

Email: 23117725@siswa.um.edu.my

² Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Malaysia.

Email: mohdnazri_ar@um.edu.my

³ Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Malaysia.

Email: 17013880@siswa.um.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 27.03.2025

Revised date: 14.04.2025

Accepted date: 15.05.2025

Published date: 16.06.2025

To cite this document:

Zulkipli, M. Z. A., Abdul Rahman, M. N., & Narasid, S. N. K. H. (2025). Penggunaan Cerita Rakyat Orang Asli Dalam Pengajaran Literasi Untuk Murid Prasekolah Orang Asli: Ulasan Skop. *International Journal of Modern Education*, 7 (25), 516-534.

DOI: 10.35631/IJMOE.725036**Abstrak:**

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan skop bagi mendapatkan kajian literatur mengenai cerita rakyat dalam pengajaran literasi murid prasekolah Orang Asli. Manakala, pendekatan kerangka kajian tinjauan skop yang diperkenalkan oleh Arksey dan Malley (2005) yang terdiri dari lima peringkat iaitu mengenal pasti soalan atau objektif kajian, mengenal pasti kajian yang relevan, pemilihan kajian, klasifikasi data dan menyusun, mengumpul serta meringkaskan hasil dapatan telah diaplikasikan. Hasil analisis tematik artikel yang dipilih bersumberkan kajian lepas telah membentuk beberapa tema antaranya ialah teori-teori yang digunakan dalam kajian pengajaran literasi, cabaran literasi murid Orang Asli dan implikasi pengajaran literasi murid Orang Asli menggunakan cerita rakyat. Kajian berkaitan cabaran literasi murid prasekolah adalah sangat perlu bagi merungkai faktor-faktor terjadinya situasi sedemikian dan cara mengatasinya. Maklumat daripada kajian lanjut ini penting dalam merancang program yang khusus dalam membantu mengatasi masalah tersebut secara keseluruhannya. Kesimpulannya, berdasarkan dapatan tinjauan literatur dapat dirumuskan bahawa penggunaan cerita rakyat dalam pengajaran literasi bagi murid prasekolah Orang Asli memberikan kesan yang sangat baik dalam peningkatan literasi murid prasekolah.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Kata kunci:**

Cabaran Pendidikan, Cerita Rakyat, Literasi Awal, Orang Asli, Pengajaran Dan Pembelajaran, Prasekolah

Abstract:

This study uses the scoping method to obtain literature studies on folklore in students has a very good effect in increasing preschool teaching literacy to Orang Asli preschool students. Meanwhile, the scoping study framework approach introduced by Arksey and Malley (2005) which consists of five stages, namely identifying research questions or objectives, identifying relevant studies, selecting studies, classifying data and organizing, collecting and summarizing the findings was applied. The results of the thematic analysis of the selected articles based on previous studies have formed several themes, including theories used in literacy teaching studies, Orang Asli students' literacy challenges and the implications of teaching literacy to Orang Asli students using folklore. Studies related to preschool students' literacy challenges are very necessary to unravel the factors that cause such situations and how to overcome them. Information from this further study is important in planning specific programs to help overcome the problem as a whole. In conclusion, based on the findings of the literature review, it can be concluded that the use of folklore in teaching literacy to Orang Asli preschool students' literacy.

Keyword:

Early Literacy, Educational Challenges, Folklore, Indigenous Peoples, Preschool, Teaching And Learning

Pengenalan

Dewasa kini, pendidikan memainkan peranan penting dalam memperkasakan dan meningkatkan status sosioekonomi Orang Asli Malaysia. Walau bagaimanapun, kanak-kanak Orang Asli masih menghadapi masalah besar dalam sistem pendidikan arus perdana. Ini termasuk kadar keciciran yang tinggi, pencapaian akademik yang rendah, dan ketidakterlibatan dalam sekolah (Rahman et al., 2022; Sawalludin et al., 2020). Hasil kajian terdahulu menunjukkan bahawa kanak-kanak Orang Asli di Malaysia mempunyai pencapaian akademik yang rendah yang mana kira-kira 50% tidak melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah dan hanya 30% menamatkan sekolah menengah (Nordin et al., 2021). Pendidikan prasekolah adalah fasa terpenting dalam pendidikan kanak-kanak, di mana kemahiran asas seperti pemerolehan bahasa, interaksi sosial, dan perkembangan emosi dipupuk sejak awal persekolahan (Adam Assim et al., 2020).

Selain itu, perbezaan budaya, bahasa, latar tempat tinggal, dan pengalaman hidup antara guru dan murid turut menjadi halangan yang merumitkan proses pengadaptasian pendekatan pedagogi ke dalam pengajaran di dalam kelas (Zulkipli & Tee, 2022). Lebih parah, ketiadaan latihan khusus untuk guru dalam menguruskan kelas yang terdiri daripada murid Orang Asli berpotensi memperlebar jurang literasi awal murid, sekiranya isu ini tidak diatasi dengan segera. Penggubalan kurikulum yang selari dengan budaya serta penggunaan pendekatan pengajaran yang disesuaikan adalah sangat penting untuk meningkatkan kualiti pendidikan murid Orang Asli dan menyumbang kepada pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (Othman, 2022). Dengan memasukkan elemen budaya ke dalam pengajaran murid prasekolah

Orang Asli bukan sahaja meningkatkan penglibatan murid, tetapi ia juga membantu mereka mengakui dan memelihara warisan budaya mereka.

Penggunaan teknik bercerita menjadi salah satu kaedah yang sering kali diaplikasikan dalam setiap lapisan masyarakat untuk menjelaskan atau berkongsi perasaan tentang sesuatu konsep, sejarah atau idea dengan menggunakan kaedah menarik, menghiburkan dan mudah difahami oleh pendengar (Rahman et al., 2021). Tambahnya lagi, penggunaan kaedah bercerita yang berkesan mampu mengalih tumpuan pendengar untuk mendengar dan menghayati dengan lebih mendalam setiap tutur kata yang diucapkan tanpa meninggalkan setiap plot cerita sehingga selesai sesebuah penceritaan. Kanak-kanak sangat menggemari aktiviti mendengar cerita kerana melalui aktiviti bercerita, mereka cenderung untuk mendengar setiap perkataan yang diluahkan oleh pencerita (Gusmalinda & Asnawi, 2023).

Menurut Mishra et al. (2020) kemahiran bercerita bukan sahaja melibatkan kemahiran meluahkan perkataan, tetapi juga memerlukan gabungan kemahiran ekspresi muka, ekspresi bahasa badan, intonasi suara, alat bercerita dan pergerakan kreatif. Senada dengan kenyataan tersebut, Youpika et al. (2024) juga berpendapat bahawa keupayaan memanipulasi pelbagai kemahiran ini berupaya menarik minat dan kecenderungan kanak-kanak untuk mendengar cerita dan terlibat dalam aktiviti penceritaan tersebut. Selain itu, penggunaan aktiviti bercerita juga mampu membentuk persekitaran pembelajaran kondusif, menyeronokkan dan seterusnya meningkatkan kemahiran literasi, adaptasi nilai dalam cerita dan tahap imaginasi murid (Rahman et al., 2020). Ini secara langsung dapat membentuk kefahaman dan kemahiran literasi awal untuk murid prasekolah. Pendekatan bercerita merupakan satu kaedah yang efektif dan efisien yang membantu meningkatkan kefahaman kanak-kanak berkepelbagaian budaya untuk menerima sesuatu pembelajaran secara optimum (Rusmani & Asnawi, 2023).

Umumnya, dalam mengaplikasi penyampaian cerita rakyat secara lisan oleh penglipur lara akan ditambah dan diubah suai mengikut keadaan budaya dan persekitaran tempat penceritaan tersebut berlaku (Narzary, 2024; Ivančič, 2019). Tambahan pula, bahasa yang mudah dan senang difahami digunakan oleh pencerita cerita rakyat agar murid pada pelbagai peringkat umur terutama murid prasekolah faham akan mesej yang ingin disampaikan oleh tukang cerita (Rahman et al., 2021). Literasi bahasa atau dalam bahasa Melayu juga telah dirujuk sebagai “pengetahuan atau literasi” atau kebolehan minimum membaca dan menulis dalam sesuatu bahasa (Juppri et al., 2024). Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO, 2022) menyatakan bahawa konsep asal literasi ialah seseorang yang boleh membaca dan menulis pernyataan yang ringkas dalam kehidupan seharian mereka. Literasi kini difahami sebagai satu cara untuk mengenal pasti, memahami, mentafsir, mencipta dan berkomunikasi dalam dunia yang semakin digital, pengantaraan teks, kaya maklumat dan pesat berubah (No, 2025; Gillon, 2023). Di samping itu, menurut (Chew et al. 2023; Maia, 2023; Subramaniam et al., 2022) mentakrifkan literasi sebagai keupayaan untuk mengenal pasti, memahami, mentafsir, mencipta, berkomunikasi dan mengira, menggunakan bahan bercetak dan bertulis yang berkaitan dengan konteks yang berbeza. Maka, literasi ialah pembelajaran berterusan dalam membolehkan individu mencapai matlamat mereka, mengembangkan pengetahuan dan potensi mereka, dan mengambil bahagian sepenuhnya dalam komuniti mereka dan masyarakat yang lebih luas.

Dalam masyarakat majmuk di Malaysia, cerita rakyat tidak terhad kepada masyarakat kaum melayu sahaja, namun turut dimiliki oleh kaum-kaum lain yang ada di dalam negara ini. Kaum peribumi Orang Asli semenanjung Malaysia juga kaya dengan cerita penglipur lara cerita

rakyat kaum asli (Youpika et al., 2024; Rahman et al., 2021). Bagi masyarakat Orang Asli, pelaksanaan cerita rakyat perlulah disesuaikan dengan cerita rakyat masyarakat Orang Asli bagi memenuhi aspirasi pendekatan pembelajaran asas literasi yang mementingkan pembentukan nilai dan amalan tradisi dan budaya masyarakat Orang Asli (Rahman, 2017; Said, 2015; Yusof et al., 2021).

Kaedah Pengumpulan Data

Menerusi kajian ini, kaedah tinjauan skop menjadi panduan dalam strategi carian pantas literatur cerita rakyat dalam pengajaran literasi kanak-kanak prasekolah Orang Asli berdasarkan bukti tersedia dan kajian lepas yang belum dikaji secara menyeluruh terhadap isu literasi kanak-kanak prasekolah Orang Asli. Proses pencarian literatur dalam kajian ini menggunakan pendekatan kerangka kajian tinjauan skop yang diperkenalkan oleh Arksey dan Malley (2005) yang terdiri dari lima peringkat iaitu: (1) mengenal pasti soalan atau objektif kajian (2) mengenal pasti kajian yang relevan, (3) pemilihan kajian (4) klasifikasi data dan (5) menyusun, mengumpul dan meringkaskan hasil dapatan.

Mengenal Pasti Persoalan Kajian

Seperti tinjauan sistematik, permulaannya adalah dengan mengenalpasti persoalan kajian berkaitan dengan isu literasi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah Orang Asli. Persoalan dalam kajian ini ialah:

1. Apakah yang perlu diketahui daripada kajian lepas berkaitan penerapan cerita rakyat orang asli dalam pengajaran literasi murid prasekolah orang asli?.

Kajian ini juga meneroka teori-teori yang telah digunakan dalam kajian-kajian lalu, cabaran literasi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah Orang Asli dan peranan cerita rakyat dalam meningkatkan literasi kanak-kanak prasekolah Orang Asli. Menerusi kajian ini, proses carian literatur dimulakan dengan merumuskan definisi cerita rakyat dalam pengajaran literasi bagi kanak-kanak prasekolah orang asli.

Mengenal Pasti Kajian Yang Relevan

Dalam kajian skop ini, sumber kajian yang relevan dikenalpasti melalui literatur kajian lepas yang bersesuaian untuk menjawab soalan kajian. Strategi pencarian secara sistematik melalui 3 pengkalan data sains sosial berikut telah digunakan untuk mengenalpasti literatur yang sesuai iaitu *Scopus* dan *Google Scholar* dan *MyJurnal*. Selain itu, jangka masa pencarian bagi mendapatkan konsep ditetapkan dengan mengambil kira literatur yang diterbitkan dan dikemas kini antara tahun 2020 hingga 2025 sahaja. Literatur yang diterbitkan sebelum tahun 2020 juga diambil kira tetapi hanya sebagai literatur sokongan sahaja. Kata dan istilah sesuai yang terdapat dalam tajuk dan teks utama digunakan sebagai panduan dalam carian literatur. Kaedah carian literatur dilakukan melalui kata kunci ‘cerita rakyat’, ‘literasi awal’, ‘cabaran’, ‘prasekolah, Orang Asli’. Semua carian dihadkan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu sahaja termasuklah teks penuh dan abstrak. Senarai rujukan bagi setiap literatur utama diambil kira, dipilih dan disaring bagi mengenalpasti artikel tambahan yang sesuai dan berkaitan.

Jadual 1: Pengkalan Data untuk Carian Kajian Lepas

Pengkalan data	Search string
Scopus	“Early literacy” OR “folklore” AND “indigenous” OR “preschool” OR “early childhood education” AND “story” OR “native people” OR “indigenous folklore” OR “indigenous children” OR “native people” AND “teaching challenge” OR “literacy teaching”
Google Sholar	“literasi awal” AND “cerita rakyat” AND “murid Orang Asli” AND “prasekolah” AND “pengajaran literasi”
MyJurnal	“literasi awal” OR “Kemahiran literasi” AND “cerita rakyat” OR “prasekolah” AND “Orang Asli”


Pemilihan Kajian

Dalam kajian ini, literatur berkaitan yang dikenalpasti dipilih berdasarkan kriteria berikut:

(1) literatur dalam teks penuh, (2) Cerita rakyat orang asli dalam pengajaran literasi murid prasekolah Orang Asli, (3) Penerbitan penemuan penyelidikan adalah terhadap kepada artikel jurnal yang diterbitkan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu sahaja.

Klasifikasi Data

Sejumlah 315 artikel telah dikenalpasti dalam kajian ini. Daripada jumlah tersebut, 272 dikecualikan kerana artikel yang sama dan tidak berkaitan dengan tajuk dan abstrak. Sejumlah 43 artikel dipilih untuk semakan. Seterusnya sebanyak 27 dari artikel tersebut dikecualikan kerana gagal memenuhi kriteria. Sejumlah 16 artikel yang bersesuaian dipilih bagi kajian ini yang datanya diekstrak dan dianalisis.

**Rajah 1: Menunjukkan Strategi Carian Dan Proses Pemilihan Kajian Lepas.**

Mengumpul, Menyusun Dan Meringkaskan Hasil Dapatan

Hasil data yang telah diekstrak dan diklasifikasikan mengikut templat format pengekodan data menggunakan *programe microsoft word* mengandungi maklumat berikut: tajuk kajian, pengarang, tahun penerbitan, metodologi (populasi, sampel, instrumen, reka bentuk), dapatan dan kesimpulan.

Jadual 2: Hasil Artikel Kajian-Kajian Lepas

Tajuk	Pengarang	Tahun	Kaedah	Dapatan	Kesimpulan
<i>The Effectiveness of Reading Learning Textbooks Loaded with Riau Malay Folktales</i>	Gusmali nda & Asnawi	2023	Menggunakan kaedah <i>research and development (R&D)</i> .	Hasil analisis menunjukkan taraf signifikansi yang lebih kecil dari 0,05, yang bermaksud buku tersebut memiliki pengaruh signifikan terhadap hasil belajar peserta didik. -Nilai <i>posttest</i> di kelas eksperimen juga lebih tinggi dibandingkan kelas kawalan.	Buku ajar membaca menggunakan cerita rakyat Melayu Riau terbukti efektif dalam meningkatkan kefahaman dan prestasi pelajar. -Kajian mencadangkan agar buku seumpama ini dimanfaatkan lebih luas dalam pengajaran membaca.
<i>Folk Tale Narrative Genre as a Rich Linguistic Resource in the Acquisition of English Language Skills for Children</i>	Mishra & Satpathy	2020	Kajian kualitatif secara analisis kandungan dan sorotan literatur.	Kajian ini menekankan bahawa cerita rakyat boleh memperkaya pengalaman pembelajaran bahasa dan mendorong penguasaan empat kemahiran utama: mendengar, bertutur, membaca dan menulis	Cerita rakyat sangat efektif digunakan dalam pengajaran bahasa kedua kepada kanak-kanak. Ia bukan sahaja memperkukuh kemahiran bahasa, tetapi juga membina jati diri budaya, kreativiti dan kemahiran sosial.

Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak	Rahman et al.	2021	- Kajian kualitatif secara tinjauan retrospektif. -Kaedah temu bual separa berstruktur dan pemerhatian terhadap 6 orang guru Tabika. -Kaedah pensampelan bertujuan	Cerita rakyat berkesan dalam meningkatkan kemahiran literasi awal kanak-kanak seperti kemahiran mendengar, membaca, bertutur, dan mengenal kosa kata baharu. -Guru dapat mengenalpasti tingkah laku dan kebolehan kanak-kanak melalui aktiviti bercerita.	Pedagogi responsif budaya melalui cerita rakyat adalah alat pengajaran yang efektif dan menyeluruh. -Membantu memupuk identiti, nilai budaya, dan literasi awal kanak-kanak dengan lebih bermakna dan menyeronokkan.
Pembangunan Modul Cerita Digital Sebagai Pembelajaran Literasi Asas untuk Kanak-Kanak Prasekolah Orang Asli	Rahman, M.N.A et al.	2020	- Kaedah <i>Fuzzy Delphi</i> dengan 20 panel pakar. - Instrumen soal selidik dibina berdasar kan sorotan literatur. - Data dianalisis melalui penentuan nilai	- Portal pengetahuan dan laman web adalah platform paling sesuai untuk pembelajaran cerita digital. -Ciri cerita rakyat digital yang paling relevan termasuk: muzik, cerita, lagu, tarian, permainan tradisi, bahasa ibunda, dan seni kraf. - Watak cerita yang sesuai ialah yang berfikiran terbuka, berkeyakinan dan berdaya kepimpinan.	Modul cerita digital rakyat yang direka bentuk gaya pembelajaran Orang Asli mempunyai potensi besar dalam meningkatkan kemahiran literasi awal. -Meningkatkan motivasi dan penglibatan aktif pelajar dalam pembelajaran.

			<i>defuzzification</i> dan konsensus pakar.		
Menyokong Penceritaan Lisan Kanak-Kanak Orang Asli melalui Program Berasaskan Budaya dan Perkembangan	Schroed et al.	2022	Kajian kolaboratif menggunakan reka bentuk kumpulan perbandingan, penilaian pra dan pasca ujian (cerita dan ingatan), dan skor pembangunan struktur cerita serta elemen budaya.	Kajian ini membangun program penceritaan berstruktur dan relevan budaya untuk murid Orang Asli Stoney Nakoda (Kanada). Selepas intervensi selama 8 bulan, kanak-kanak menghasilkan cerita yang lebih kompleks, terperinci dan berkaitan budaya serta menunjukkan peningkatan dalam kebolehan mengingat isi cerita.	Program bercerita mampu meningkatkan kemahiran literasi awal dalam kalangan murid Orang Asli, dan menyokong integrasi budaya ke dalam pengajaran yang formal.
<i>Pop A Tale: Popularizing Indigenous Folktales in Digital Media</i>	Saad et al.	2023	- Kajian kualitatif berbentuk kajian tindakan dalam kelas. - Aktiviti: Pelajar ESL menganalisis cerita rakyat, menghas	- Pelajar memahami nilai moral seperti hormat kepada pantang larang, pemimpin, dan alam - Pelajar memperoleh pengetahuan budaya, kemahiran kreatif, kerja berpasukan. - Pelajar menyatakan bahawa cerita rakyat Semai menarik dan sesuai digunakan dalam kelas Bahasa Inggeris	-Cerita rakyat Semai boleh dijadikan bahan bantu mengajar yang berkesan dalam kelas ESL kerana ia bukan sahaja memupuk nilai moral dan kesedaran budaya, tetapi juga meningkatkan motivasi serta kemahiran bahasa pelajar.

			ilkan video, dan menulis jurnal refleksi		
Meningkatkan Kompetensi Literasi Pelajar Melalui Penulisan Buku Cerita Rakyat Dwibahasa Berasaskan IT: Pendekatan Proses	Lubis & Bahri.	2021	-Kajian Tindakan Kelas (PTK). -Model Penilaian Autentik dan Plomp. Pendekatan pembelajaran berasaskan masalah (PBL).	-Peningkatan signifikan dalam literasi pelajar (skor purata keseluruhan 91.07%). - Pelajar mahir dalam pencarian maklumat, penulisan kreatif, kerja berpasukan dan penggunaan teknologi. -Cerita rakyat berjaya diterbitkan dalam bentuk buku ISBN dan blog	Cerita rakyat dwibahasa dengan integrasi teknologi mampu meningkatkan literasi pelajar secara menyeluruh sambil memelihara nilai budaya tempatan. -Pelajar juga lebih bermotivasi, kreatif
Cerita Rakyat Nusantara dalam Era Digital	Widhiyanti & Gunanto	2021	-Kajian literatur (15 artikel) -Edaran soal selidik kepada 40 ibu bapa muda. Pemerhatian terhadap penggunaan aplikasi digital	- Cerita rakyat masih relevan jika disesuaikan dengan bentuk digital. - Media digital yang popular: YouTube (82.5%), video animasi, komik, permainan dan buku audio. -69.8% ibu bapa masih memilih buku, tetapi inginkan versi digital interaktif	Cerita rakyat Nusantara boleh dikekalkan dan dipopularkan melalui media digital moden seperti video, animasi, permainan dan buku digital. -Mampu menarik minat kanak-kanak serta menyampaikan nilai budaya dan moral.

			cerita rakyat		
<i>"We love Townle sharing your land: Children's understanding of Acknowledgement to Country practices and Aboriginal knowledges in early learning centres"</i>	et al.	2024	Kajian kualitatif	Kanak-kanak menunjukkan pemahaman awal tentang simbol, budaya, dan bahasa Orang Asli melalui seni, lagu, penceritaan, dan permainan.	-Amalan ini disepadukan dalam rutin harian, dan kanak-kanak aktif dalam membentuk makna melalui cerita, seni, permainan dan interaksi dengan objek budaya.
Mendepani Cabaran Literasi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Orang Asli Jakun Lenga, Johor: Satu Tinjauan Awal	Rosly & Mokhtar	2021	-Kajian kualitatif menggunakan kaedah temu bual berstruktur, pemerhatian dan analisis dokumen	-Terdapat 12 faktor utama menjadi cabaran literasi seperti motivasi rendah, kehadiran tidak konsisten, sikap pelajar, pengaruh rakan sebaya, pengaruh ibu bapa, dan kurang minat serta pendedahan kepada pendidikan formal.	Pendidikan harus menitikberatkan pendekatan yang sesuai dengan budaya, motivasi serta penyertaan aktif ibu bapa dan komuniti setempat.
<i>Promoting Literacy in Early Childhood: Leadership Practices and Long-Term Educational Impact</i>	Cordova et al	2024	-Analisis kajian literatur integratif telah digunakan untuk mensintesis dan menganalisis penyelidikan	-Ciri-ciri kepimpinan seperti motivasi inspirasi, rangsangan intelektual, pertimbangan individual, dan pengaruh teladan dikenalpasti sebagai pemangkin dalam memupuk minat terhadap literasi dalam kalangan kanak-kanak	-Melalui tinjauan literatur integratif, beberapa penemuan utama menunjukkan korelasi positif antara kepimpinan transformasional dan perkembangan literasi awal.

			kan sedia ada	akademik, keupayaan kognitif, dan kemahiran sosio- emosi.	
<i>Designing and Implementing a Bilingual Early- Literacy Program in Indigenous Mexico Villages: Family, Child, and Classroom Outcomes</i>	Justice et al.	2020	-Reka bentuk kajian pra-ujian dan pasca- ujian (<i>pretest- posttest</i>). -Kajian melibatk an 567 ibu dan anak prasekol ah dalam 28 kelas di 6 sekolah.	-Penglibatan ibu bapa meningkat - 88% ibu bapa menyertai program, dan majoriti melaporkan perubahan positif dalam amalan literasi rumah. -Perkembangan literasi awal kanak- kanak - Kanak-kanak menunjukkan peningkatan signifikan dalam pengetahuan cetakan bahasa Sepanyol.	-Program literasi awal dwibahasa ini berkesan dalam meningkatkan penglibatan ibu bapa dan perkembangan literasi awal kanak- kanak dalam bahasa Sepanyol.
Kerangka Aktiviti Imaginasi dalam Pembelajaran Literasi Awal Murid Orang Asli	Ahmad Fadzil	2021	Menggu nakan pendekat an gabunga n kualitatif dan kuantitati f. -Data diperoleh melalui analisis meta, temu bual pakar, dan soal selidik. Teknik	-Sebanyak 30 aktiviti imaginasi dikenal pasti. -Aktiviti mendengar dan bertutur (18 aktiviti), membaca (16 aktiviti), dan menulis (13 aktiviti) dianggap sesuai dan boleh diaplikasikan.	-Aktiviti imaginasi sesuai diaplikasikan dalam pembelajaran untuk membantu murid Orang Asli meningkatkan literasi awal.

*Fuzzy
Delphi*
digunaka
n untuk
mengana
lisis data.

Hubungan antara Kemahiran Literasi Digital, Instrumen Pembelajaran, Budaya dan Motivasi Pelajar dalam Kalangan Pelajar Orang Asli di Malaysia	Abdul Rahim et al.	2023	- Pendekatan kuantitatif melalui kajian tinjauan (<i>survey question naire</i>). -175 pelajar Orang Asli dari tiga sekolah rendah Orang Asli dipilih secara persampelan bertujuan (<i>purposive sampling</i>). -Data dianalisis menggunakan SPSS.	-Kemahiran literasi digital tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan motivasi pelajar ($t = 0.575, p = 0.283$). -Budaya memainkan peranan penting dalam meningkatkan motivasi pelajar ($t = 1.807, p = 0.036$), di mana elemen seperti penggunaan bahasa ibunda dan elemen seni budaya dalam pendidikan menarik minat pelajar Orang Asli.	-Instrumen pembelajaran dan budaya memainkan peranan penting dalam meningkatkan motivasi pelajar Orang Asli untuk terus bersekolah. -Kemahiran literasi digital tidak memberikan impak yang signifikan terhadap motivasi mereka.
Aplikasi lagu tradisi masyarakat orang asli	-Narasid et al.	2025	- Kualitatif Temubual dan	-Bahan bacaan yang kontekstual dan berunsurkan nilai sangat membantu	-Penerapan lagu Sewang dalam pengajaran membantu

dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan prasekolah			pemerhat ian terhadap guru yang mengajar membac a murid Orang Asli.	murid Orang Asli menguasai kemahiran membaca.	meningkatkan kemahiran membaca murid Orang Asli. -Penggunaan bahan bacaan yang bersifat kontekstual, berunsurkan budaya tempatan, dan nilai- nilai murni bukan sahaja membantu dalam penguasaan literasi awal, tetapi juga membentuk sahsiah murid secara positif.
<i>Indigenous Sustainable Education Modelling: The Role of Chaperones in Batek Children's Education in Malaysia</i>	Mohd Amli Abdullah et al	2023	-Kajian kualitatif menggun akan temu bual separa berstrukt ur. -Empat peserta terdiri daripada dua orang tua Batek (chaperone), seorang guru besar, dan seorang guru sekolah rendah.	-Chaperone memainkan peranan sebagai guru tidak formal, membimbing pelajar dalam dan luar sekolah. -Faktor utama kejayaan pendidikan Batek ialah kepercayaan, komitmen, persekitaran kondusif, dasar pendidikan yang sesuai, dan sokongan komuniti.	-Sokongan komuniti dan peranan <i>chaperone</i> dalam meningkatkan pendidikan Orang Asli. Dengan mengiktiraf <i>chaperone</i> sebagai penghubung antara sekolah dan masyarakat

Hasil Dapatkan

Berdasarkan analisis tematik artikel yang dipilih bersumberkan kajian lepas yang telah diperoleh. Maka, tema-tema yang dapat dibentuk ialah 1) teori-teori yang digunakan dalam kajian pengajaran literasi 2) cabaran literasi murid Orang Asli 3) Implikasi pengajaran literasi murid Orang Asli menggunakan cerita rakyat.

Teori-Teori Yang Digunakan Dalam Kajian Lepas

Berdasarkan kajian-kajian lepas, teori popular yang banyak digunakan ialah teori yang dipopularkan Lev Vygotsky (Gusmalinda & Asnawi, 2023; Mishra & Satpathy, 2020; Rahman et al., 2021; Saad et al., 2023; Lubis & Bahri, 2021; Rosly & Mokhtar, 2021; Narasid et al., 2025). Kajian beliau tentang perkembangan kognitif menggunakan pendekatan konstruktivisme, yang menekankan bahawa pembelajaran seseorang bergantung pada interaksi sosial dan budaya. Pemikiran Vygotsky memberi panduan tentang keberkesanan pembelajaran dan membangunkan teori yang menjelaskan bagaimana seseorang pelajar harus diajar untuk mencapai kejayaan dan memperoleh penambahbaikan dalam pembelajaran seharian.

Teori Sosio-Budaya yang diperkenalkan oleh Lev Vygotsky pada awal abad ke-20 terus menjadi asas penting dalam penyelidikan pendidikan dan psikologi moden. Walaupun teori ini diperkenalkan hampir satu abad yang lalu, ia kekal relevan dengan cabaran dan keperluan pendidikan masa kini. Penyelidikan terkini menunjukkan bahawa konsep-konsep utama Vygotsky, seperti Zon Perkembangan Proksimal (ZPD), *scaffolding*, dan peranan bahasa dalam pembelajaran, masih menjadi rujukan utama dalam kajian berkaitan pendidikan kanak-kanak, pembelajaran kolaboratif, dan pendidikan digital (Gusmalinda & Asnawi, 2023; Mishra & Satpathy, 2020; Rahman et al., 2021). Dalam bidang pendidikan, interaksi sentiasa berlaku sama ada antara pendidik dengan pelajar atau antara pelajar itu sendiri. Dalam melaksanakan tugasnya, seorang pendidik perlu menyediakan kemudahan yang diperlukan oleh pelajar untuk mencapai objektif pembelajaran yang diinginkan (Arochman et al., 2024). Tambahnya, kemudahan tersebut boleh berupa pendidikan, bimbingan, pengajaran, dan latihan. Oleh itu, pendidik perlu memberikan arahan yang sesuai dengan tahap kemampuan pelajar agar proses pembelajaran berjalan dengan efektif.

Seterusnya, teori yang digunakan dalam kajian lepas ialah teori pelbagai kecerdasan oleh Howard Gardner (Mishra & Satpathy, 2020; Rahman et al., 2021). Prinsip utama teori ini ialah murid mempunyai pelbagai kecerdasan seperti linguistik, visual, kinestetik, interpersonal, muzik, dan lain-lain. Penggunaan cerita rakyat telah merangsang pelbagai kecerdasan melalui naratif (*verbal-linguistik*), ilustrasi cerita (*visual-spatial*), nilai moral (*intrapersonal*), dan interaksi sosial (*interpersonal*). Melalui pengaplikasian cerita rakyat dalam aktiviti membaca, mendengar, bermain peranan (*role play*), boneka dan ilustrasi visual sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung menjadikan murid kelihatan lebih bersemangat dan menikmati aktiviti kelas yang sedang berlangsung (Mishra & Satpathy, 2020). Kesannya, aktiviti ini membantu pelajar menguasai kemahiran literasi awal secara menyeluruh dan pelbagai kecerdasan murid dapat ditonjolkan. Disamping itu, hasil dapatan juga merumuskan terdapat pengkaji yang menggunakan teori kognitif yang berfokus kepada proses mental dalaman seperti ingatan, persepsi dan pengetahuan (Rosly & Mokhtar, 2021). Teori ini dapat membantu guru untuk memahami bagaimana murid Orang Asli menyimpan dan mengingat kosa kata serta maklumat Bahasa Melayu yang diajar. Guru hanya perlu membantu murid untuk mengaktifkan pemikiran dan strategi kognitif untuk memahami dan menguasai bahasa kedua mereka.

Manakala, kajian yang dilakukan oleh (Widhiyanti & Gunanto, 2021; Rahim et al., 2023) adalah dengan menggunakan teori pembelajaran multimodal (*Multimodal Learning Theory*) yang berfokus kepada penggunaan pelbagai bentuk media seperti teks, video, animasi, audio dalam proses pembelajaran. Didapati penggunaan aplikasi *e-book*, animasi, permainan digital, komik bergerak dan audio semuanya menyokong gaya pembelajaran yang pelbagai dalam kalangan murid.

Cabaran Literasi Murid Orang Asli

Hasil dapatan kajian-kajian lepas dapat diketahui bahawa terdapat cabaran literasi yang dihadapi oleh murid Orang Asli. Murid Orang Asli mempunyai sifat pemalu yang tinggi menyebabkan mereka sukar menguasai literasi asas dengan baik di sekolah (Rahman et al., 2021; Schroeder et al. 2022; Townley et al, 2024). Menurut Nyborg et al. (2022) sifat pemalu dan pendiam dalam kalangan murid Orang Asli boleh meningkatkan risiko untuk ketinggalan dalam literasi awal di sekolah. Murid Orang Asli menghadapi masalah untuk berinteraksi dengan guru dan murid berlainan kaum kerana sikap pemalu yang menebal dalam diri mereka (Zulkipli & Tee, 2022; Hwang et al., 2023). Lebih membimbangkan kanak-kanak Orang Asli yang mula memasuki alam awal persekolahan mereka sangat pasif dalam kelas (Baeza et al., 2023).

Kemudian, isu perbezaan bahasa komunikasi yang digunakan setiap hari menyebabkan murid dan guru menghadapi konflik berbahasa yang selalu digunakan di sekolah sewaktu berkomunikasi dengan murid prasekolah Orang Asli (Townley et al., 2024; Rosly & Mokhtar, 2021; Harun et al., 2025). Keadaan berbeza bagi masyarakat minoriti, khususnya penutur bukan asli yang memandang Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka. Masyarakat Orang Asli, bergelut untuk menguasai bahasa tersebut kerana mereka perlu mempelajarinya secara formal di sekolah (Rahman et al., 2021). Akibatnya, pencapaian pendidikan mereka kurang, dengan kanak-kanak Orang Asli ketinggalan di belakang orang lain dan mengalami kadar keciciran yang tinggi (Narasid et al., 2024). Tambahnya lagi, ini kerana guru mereka sendiri juga tidak mempunyai pengetahuan untuk bertutur menggunakan dalam Bahasa Semai sama sekali seperti mereka. Situasi ini memberi kesan besar, di mana murid tidak dapat mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran dengan efektif serta maksimum di dalam kelas.

Selain itu, bahan dan sumber pendidikan sedia ada tidak mencerminkan budaya Orang Asli (Narasid et al., 2025; Abdullah et al., 2023). Menurut Omar dan Deenerwan (2024) perlunya pendidikan alternatif yang lebih sesuai dengan keperluan dan kehendak masyarakat Orang Asli. Membangunkan kurikulum pengetahuan tempatan untuk kanak-kanak Orang Asli adalah penting untuk mengekalkan identiti, prestij dan memastikan kepelbagaian budaya yang mampan dalam pendidikan (Idrus et al., 2023; Rahman et al., 2017). Sumber dan bahan pengajaran yang sedia ada tidak memiliki ciri warisan budaya masyarakat Orang Asli dan keseluruhan kehidupan masyarakat asli. Sewaktu di sekolah, murid Orang Asli terus belajar seperti biasa tanpa mereka sedar bahawa pembelajaran di sekolah telah mengabaikan budaya dan memutuskan hubungan dengan alam mereka sendiri serta hala tuju utama kehidupan mereka yang berada jauh di pedalaman (Narasid et al., 2024). Sehingga kini, penyediaan modul literasi semasa untuk prasekolah juga kurang sesuai dengan keperluan pendekatan holistik yang mementingkan penggabungan antara budaya, komunikasi dan kreativiti (Derby, 2023).

Implikasi Pengajaran Literasi Murid Orang Asli Menggunakan Cerita Rakyat

Berdasarkan analisis kajian lepas mendapati bahawa penggunaan cerita rakyat dalam pengajaran literasi murid Orang Asli mampu meningkatkan kemahiran berbahasa murid (Rahman et al., 2021; Schroeder et al., 2022; Saad et al., 2023). Cerita rakyat adalah alat pengajaran yang efektif dan menyeluruh yang dapat memberikan input yang berguna kepada murid terutama dari segi meningkatkan literasi murid Orang Asli. Selain itu, penggunaan cerita rakyat dalam proses pengajaran turut membantu memupuk identiti, nilai budaya, dan literasi awal kanak-kanak dengan lebih bermakna dan menyeronokkan (Rahman et al., 2021; Rahman et al., 2017). Tambahan pula, menurut Schroeder et al. (2022) program bercerita mampu meningkatkan kemahiran literasi awal dalam kalangan murid Orang Asli dan menyokong integrasi budaya ke dalam pengajaran yang formal.

Selain itu juga, penggunaan cerita rakyat mampu meningkatkan motivasi kanak-kanak (Saad et al., 2023; Lubis & Bahri, 2021; Widhiyanti & Gunanto, 2021; Rosly & Mokhtar, 2021). Cerita rakyat Orang Asli Semai sesuai dijadikan bahan bantu mengajar yang berkesan di dalam kelas kerana ia bukan sahaja memupuk nilai moral dan kesedaran budaya, tetapi juga meningkatkan motivasi serta kemahiran bahasa pelajar. Senada dengan pernyataan tersebut, Lubis & Bahri (2021) juga berpendapat murid juga lebih bermotivasi dan kreatif sewaktu mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Perbincangan

Dalam dapatan kajian literatur ini, terdapat 7 kajian yang menggunakan secara langsung cerita rakyat sebagai bahan pengajaran literasi murid di sekolah (Gusmalinda & Asnawi, 2023; Mishra & Satpathy, 2020; Rahman et al., 2021; Saad et al., 2023; Lubis & Bahri, 2021; Rosly & Mokhtar, 2021; Narasid et al., 2025). Penggunaan cerita rakyat dalam pengajaran literasi bagi murid prasekolah Orang Asli memberikan kesan yang sangat baik dalam peningkatan literasi murid prasekolah. Kajian secara mendalam seharusnya dijalankan untuk memastikan penggunaan cerita rakyat dapat memberikan hasil yang maksimum dalam peningkatan literasi murid prasekolah Orang Asli. Manakala, terdapat 2 kajian yang mengaplikasikan cerita rakyat untuk murid sekolah rendah sahaja tanpa melibatkan murid prasekolah (Schroeder et al., 2022; Widhiyanti & Gunanto, 2021). Ini secara tidak langsung mewujudkan jurang kajian bagaimana sekiranya cerita rakyat diaplikasikan dalam pengajaran literasi murid prasekolah kelak.

Selain itu, berdasarkan kajian lalu juga, terdapat 2 kajian lepas yang mengaplikasikan cerita rakyat dalam pengajaran Bahasa Inggeris dalam membantu murid menguasai Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua (Mishra & Satpathy, 2020; Saad et al., 2023). Kajian tersebut menggunakan cerita rakyat secara digital untuk membantu menarik perhatian murid untuk mengikuti sesi pengajaran literasi bersama guru di dalam kelas. Penggunaan bahan digital seperti audio, video animasi dan bahan digital lain di dalam kelas telah membantu dalam peningkatan penguasaan literasi murid-murid. Dapatan literatur daripada kajian luar negara juga memberikan perhatian khusus terhadap pelaksanaan cerita rakyat orang asli dalam pengajaran literasi murid prasekolah (Lubis & Bahri, 2021; Widhiyanti & Gunanto, 2021; Schroeder et al., 2022; Townley et al, 2024). Pendekatan dan kaedah pengajaran yang digunakan oleh pengkaji luar dapat dijadikan kayu ukur terhadap kemenjadian dan keberkesanan sekiranya kajian dan pendekatan cerita rakyat diaplikasi terhadap murid prasekolah Orang Asli di negara kita.

Menerusi literatur kajian lampau juga telah menunjukkan bahawa terdapat 2 kajian lepas menyatakan bahawa penggunaan pelbagai kaedah dan aktiviti kreativiti seperti main peranan, bercerita, aktiviti nyanyian telah membantu murid prasekolah menjadi lebih kreatif dan berani (Rosly & Mokhtar, 2021; Fadzil, 2021; Narasid et al., 2025). Penerapan beberapa aktiviti yang telah dirangka membantu murid menjadi lebih kreatif dan berani di dalam kelas. Ini mewujudkan satu jurang bagaimana sekiranya pelbagai aktiviti kreativiti ini seperti cerita rakyat, nyanyian lagu, main peranan akan memberikan manfaat terhadap penguasaan literasi murid prasekolah Orang Asli. Selain itu, berdasarkan literatur juga mendapati penggunaan cerita rakyat Orang Asli telah memberikan kesan yang besar terhadap minat dan motivasi murid prasekolah untuk mengikuti sesi pengajaran di dalam kelas (Rahim et al., 2023; Townley et al., 2024). Namun, kajian tersebut turut mengakui bahawa hasil utama iaitu peningkatan terhadap literasi murid Orang Asli meningkat setelah mengaplikasikan cerita rakyat dalam sesi pengajaran. Murid-murid menunjukkan minat terhadap sesi pengajaran yang telah dilaksanakan oleh guru di dalam kelas prasekolah yang membawa kepada peningkatan motivasi murid untuk belajar di dalam kelas.

Seterusnya, dapatan dari literatur yang menerangkan kepentingan literasi kepada murid prasekolah. Terdapat banyak cabaran dan isu yang menjadi masalah kepada murid prasekolah Orang Asli untuk menguasai literasi (Townley et al., 2024; Rosly & Mokhtar, 2021; Narasid et al., 2025). Dapatan daripada kajian lalu menyatakan bahawa faktor budaya, kemiskinan, bahan pengajaran yang tidak sesuai menjadi penyebab utama murid prasekolah Orang Asli kurang menguasai literasi awal di peringkat sekolah. Disamping itu, menerusi literatur lepas juga mendapati bahawa, pelbagai pihak seperti Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri dan pihak sekolah perlu memberikan perhatian terhadap kelas prasekolah (Rahman et al., 2021; Gusmalinda & Asnawi, 2023; Narasid et al., 2025). Semua pihak harus memastikan agar segala kelengkapan asas kelas prasekolah seperti kelengkapan perabot, bahan bantu mengajar, sumber pengajaran, dan keselamatan di dalam kelas diutamakan terlebih dahulu bagi memastikan murid prasekolah Orang Asli dapat mengikuti sesi pengajaran literasi dengan baik dan selesai.

Kesimpulan

Hasil tinjauan daripada 16 literatur menunjukkan bahawa penggunaan cerita rakyat Orang Asli amat membantu dalam meningkatkan kemahiran literasi murid prasekolah Orang Asli. Menerusi tinjauan skop yang telah dilaksanakan, didapati cabaran literasi murid prasekolah Orang Asli sangat membimbangkan. Murid prasekolah Orang Asli sememangnya menghadapi pelbagai cabaran untuk menguasai literasi Bahasa Melayu di peringkat sekolah. Tambahan pula, terdapat pelbagai isu-isu yang mempengaruhi kemerosotan literasi murid-murid Orang Asli di sekolah. Penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka menjadikan cabaran bertambah besar kepada guru untuk membantu meningkatkan kemahiran literasi murid prasekolah Orang Asli. Oleh itu, kajian berkaitan cabaran literasi murid prasekolah adalah sangat perlu bagi merungkai faktor-faktor terjadinya situasi sedemikian dan cara mengatasinya. Maklumat daripada kajian lanjut ini penting dalam merancang program yang khusus dalam membantu mengatasi masalah tersebut secara keseluruhannya. Kajian ini diharap sedikit sebanyak akan membantu mempelbagaikan usaha bagi mengatasi masalah tersebut agar murid Orang Asli tidak lagi terkesan dengan cabaran literasi yang dihadapi sejak sekian lama. Maklumat kajian lanjut ini penting sebagai rujukan dan boleh dijadikan sebagai garis panduan untuk merangka pelan pengajaran di prasekolah sekolah Orang Asli kelak.

Limitasi

Tinjauan ini hanya melihat pendekatan cerita rakyat yang telah dilaksanakan dalam meningkatkan literasi kanak-kanak prasekolah Orang Asli. Kajian literatur juga telah dihadkan kepada hasil dapatan yang diperolehi dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu sahaja. Ini mungkin terdedah kepada bias.

Cadangan

Kajian lanjut perlu dilakukan untuk meneroka hubungkait keberkesanan penggunaan cerita rakyat dalam meningkatkan literasi murid Orang Asli di Malaysia. Pada masa hadapan, perlunya kajian secara kualitatif dan kuantitatif bagi mengenalpasti faktor yang menyumbang kepada keciciran murid Orang Asli dalam aspek literasi. Bagi mengelakkan bias dapatan tinjauan, cadangan supaya tinjauan diukur menggunakan kepelbagaian bahasa yang lebih banyak supaya tinjauan literatur boleh ditingkatkan lagi untuk mendapatkan hasil yang lebih berkualiti kelak.

Penghargaan

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kami ucapkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Universiti Malaya atas sokongan yang tidak terhingga untuk penyelidikan ini. Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pengkaji-pengkaji lepas yang sudi berkongsi kajian mereka mengenai pendidikan Orang Asli. Sesungguhnya, dengan penghasilan artikel ini akan menambahkan lagi dapatan ilmu kajian berkaitan literasi khusus untuk murid prasekolah Orang Asli di negara kita. Sumbangan kajian lepas juga telah memperkayakan pemahaman kami tentang cabaran, isu dan pendidikan murid Orang Asli.

Rujukan

- Arochman, T., Imron, A., & Hantari, W. C. (2024). Development of video-based digital content learning for teaching university students. *English Review: Journal of English Education*, 12(2), 675–684. <https://doi.org/10.25134/erjee.v12i2.7617>
- Baeza, A., Anderson, P., & White, S. (2023). Highlighting the voice of Indigenous communities for education: Findings from a case study in rural Chile. *The Australian Journal of Indigenous Education*, 52(2). <https://doi.org/10.55146/ajie.v52i2.331>
- Cordova Jr, N., Kilag, O. K., Andrin, G., Groenewald, E., & Abella, J. (2024). Promoting Literacy in Early Childhood: Leadership Practices and Long-Term Educational Impact. *Excellencia: International Multi-disciplinary Journal of Education* (2994-9521), 2(1), 79-89.
- Gillon, G. (2023). Supporting children who are english language learners succeed in their early literacy development. *Folia Phoniatica et Logopaedica*, 75(4), 219-234.
- Gusmalinda, I., & Asnawi, A. (2023). Efektivitas Buku Ajar Pembelajaran Membaca Bermuatan Cerita Rakyat Melayu Riau. *J-LELC: Journal of Language Education, Linguistics, and Culture*, 3(2), 98-104.
- Harun, M. Z. A. B. Z. Aplikasi Lagu Tradisi Masyarakat Orang Asli dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Prasekolah.
- Harun, N. H. B., Rahman, M. N. A., Mansor, M. A., & Muhamad, N. A. (2020). Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Kreativiti Orang Asli dalam Meningkatkan Kecerdasan Kanak-Kanak Prasekolah. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(1), 66-76.
- Justice, L. M., Dynia, J. M., Hijlkema, M. J., & Sánchez Chan, A. (2020). Designing and Implementing a Bilingual Early-Literacy Program in Indigenous Mexico Villages:

- Family, Child, and Classroom Outcomes. *Educational sciences: theory and practice*, 20(2), 1-15.
- Lubis, F. K., & Bahri, S. (2021). Enhancing students' literacy competence through writing bilingual folklore book by IT: Process approach. *Randwick International of Education and Linguistics Science Journal*, 2(1), 105-115.
- Mishra, P., & Satpathy, S. (2020). Genre of folk narratives as rich linguistic resource in acquiring English language competence for young learners. *Rupkatha Journal on Interdisciplinary Studies in Humanities*, 12(1), 1-10.
- No, B. (2025). Profiles of technology-rich learning activities for early literacy and teachers' roles in Korea. *Cogent Education*, 12(1), 2460414.
- Norazlin, N., Norazman, A., & Norasiah, H. (2020). *Isu dan cabaran literasi Orang Asli*. Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rahman, M. N. A., Malek, A. A., & Mansor, M. A. (2021). Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak: Culturally Responsive Pedagogy Through Folk Tales for Early Childhood Literacy Skills. *Sains Insani*, 6(1), 91-98.
- Rahman, M. N. A., Abd Ghani, R., Jamaluddin, K. A., Lah, H. A., Mahmood, A. S., Sulaiman, I., & Mustafa, W. A. (2020, April). Development of folktales digital story module as basic literacy learning for indigenous children in rural preschool. In *Journal of Physics: Conference Series* (Vol. 1529, No. 4, p. 042044). IOP Publishing.
- Rosly, N. J., & Mokhtar, N. Z. Z. (2021). Mendeapani Cabaran Literasi Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Orang Asli Jakun Lenga, Johor: Satu Tinjauan Awal [Challenges facing literacy learning of Malay language among students of Orang Asli Jakun, Lenga Johor: A preliminary survey]. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 3(3), 83-102.
- Rusmani, A., & Asnawi, A. (2023). Buku Ajar Pembelajaran Membaca Bermuatan Teks Cerita Rakyat Melayu Riau. *Sajak: Jurnal Penelitian dan Pengabdian Sastra, Bahasa, dan Pendidikan*, 2(1), 180-188.
- Saad, S., Subri, S., & Zolkifli, A. N. F. (2023). Pop A Tale: Popularizing Indigenous Folktales in Digital Media. *Malaysia Journal of Invention and Innovation*, 2(6), 22-32.
- Schroeder, M., Tourigny, E., Bird, S., Ottmann, J., Jeary, J., Mark, D., ... & McKeough, A. (2022). Supporting Indigenous children's oral storytelling using a culturally referenced, developmentally based program. *Australian Journal of Indigenous Education (Online)*, 51(2), 1-22.
- Townley, C., Staples, K., Woodrow, C., Baker, E., Locke, M. L., Grace, R., & Kaplun, C. (2024). 'We love sharing your land': Children's understandings of Acknowledgement to Country practices and Aboriginal knowledges in early learning centres. *Australasian Journal of Early Childhood*, 49(2), 155-168.
- Widhiyanti, K., & Gunanto, S. G. (2020, March). Nusantara folklore in the digital age. In *Proceedings of the 2nd International Conference on Interdisciplinary Arts & Humanities (ICONARTIES)*.
- Wiyahnyuy, L. F., & Valentine, N. B. (2023). Folktales as indigenous pedagogic tools for educating school children: A mixed methods study among the Nso of Cameroon. *Frontiers in Psychology*, 14. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2023.104969>
- Youpika, F., Sumiyadi, S., Permadi, T., Sunendar, D., & Yandryati, J. (2024). The Endangered Central Malay Folklore: A Medium for Internalizing Character Values in Indonesian Language and Literature. *International Journal of Language Education*, 8(1). <https://doi.org/10.26858/ijole.v8i1.60908>